

<p style="text-align: justify;" />KUALA LUMPUR - Mulai 1 Julai, penumpang RapidKL

disyaratkan mempunyai kredit minimum RM3 dalam kad RapidPass masing-masing ketika

menaiki bas syarikat itu. Pengarah bahagian bas kumpulan Prasarana, Zohari Sulaiman

berkata, syarat baru itu bertujuan memastikan semua penumpang diliputi tambang yang

diperlukan ketika menaiki bas RapidKL.

 ♦RM3 akan meliputi tambang maksimum

bagi satu perjalanan dengan bas kami. Sistem sedia ada mengenakan jumlah tambang

maksimum apabila penumpang meleretkan kad mereka ketika menaiki bas. ♦Kemudian,

bakinya dikreditkan kembali ke dalam kad mengikut tambang sebenar bagi jarak perjalanan

apabila penumpang turun di destinasi mereka, ♦ katanya dalam kenyataan semalam. RapidKL

adalah anak syarikat Prasarana (Syarikat Prasarana Negara Bhd).

 Zohari

berkata, RapidKL kini berdepan dengan ♦pengalaman pahit♦ apabila penumpang jarak dekat

yang tidak bertanggungjawab menipu dengan tidak membayar tambang sepatutnya. Katanya,

sistem baru ini mempunyai mesej pemberitahuan khas untuk membantu pemandu bas RapidKL

mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang masalah yang mungkin timbul apabila kad

RapidPass disentuh pada panel bacaan. ♦Terdapat mesej pemberitahuan berbeza bagi setiap

masalah. Pemandu kami dilatih untuk mengenal pasti mesej yang sepadan dengan masalah

tertentu.

 ♦Pemandu kami hanya perlu mendengar bunyi mesej pemberitahuan dan

bertindak dengan sewajarnya, hanya mereka yang memiliki kad RapidPass dengan nilai

minimum RM3 akan dibenar menaiki bas, ♦ katanya. Beliau berkata, pemilik kad RapidPass

yang mempunyai kredit kurang RM3 boleh menambah nilai kredit mereka di kaunter Transit

Aliran Ringan (LRT), mesin juruwang automatik (ATM), stesen Petronas terpilih dan kaunter

Touch n Go. ♦Mereka boleh membayar secara tunai untuk menggunakan perkhidmatan bas

kami dengan memasukkan wang ke dalam kotak wang dan tekan untuk mendapatkan resit

serta menyimpan resit itu untuk tujuan pemeriksaan oleh inspektor kami, ♦ katanya. -

Bernama</p>